







PROSEDUR PERMOHONAN KEAHLIAN

*SPORTS LIBRARY
NATIONAL COACHING ACADEMY*





BUKU



JURNAL



SURAT KHABAR




REMOTEXS



MEDIASPHERE



E-MAGAZINE



SPORTS LIBRARY


FOLLOW US

Portal:
<http://library2.isn.gov.my>

Facebook:
<https://www.facebook.com/StadiumMaklumat/>

E-Resources:
<http://isn.remotexs.xyz>

Mediasphere System:
<http://isn.gov.my/dams/>



SPORTS LIBRARY'S BOOKMAKER:

Setiap ahli baru akan diberi *bookmarker* secara percuma



KAD KEAHLIAN SPORTS LIBRARY



RISALAH/PAMPHLET SPORTS LIBRARY

PROSEDUR KEAHLIAN SPORTS LIBRARY NATIONAL COACHING ACADEMY

1.0 PENGENALAN

Sports Library merupakan pembekal perkhidmatan maklumat kepada sektor sukan negara dan berperanan sebagai pusat rujukan dan repositori maklumat sukan negara. Perpustakaan Sukan merupakan sebahagian daripada *National Coaching Academy*. Selain *Sports Library*, terdapat 2 lagi pusat yang berada di bawah *National Coaching Academy*, iaitu Pusat Perlesenan dan Pensijilan dan Pusat Pendidikan.

Sports Library terdiri daripada 2 unit, iaitu *Library Unit* dan *Knowledge Management Unit*. *Sports Library* ini menempatkan koleksi bidang sukan utama Malaysia dengan menyediakan lebih daripada 20, 000 judul monograf, 30 judul jurnal serta 500 buah DVD dan CD-ROM. *Sports Library* menawarkan koleksi meluas dalam bidang sukan, sains sukan, dan perubatan sukan. *Sport Library* ini juga mempunyai dokumentasi koleksi bernilai berkaitan keputusan dan penyertaan Malaysia dalam pelbagai acara.

2.0 OBJEKTIF *SPORTS LIBRARY*

- 2.1 Memupuk budaya membaca dalam kalangan atlet, jurulatih, serta pegawai dan anggota Institut Sukan Negara (ISN) dan Majlis Sukan Negara (MSN).
- 2.2 Mengurus dan menyediakan maklumat terkini berkaitan sains sukan, teknologi sukan dan perubatan sukan.
- 2.3 Menyebarkan maklumat menerusi teknologi terkini – portal PSM, media sosial, *e-journal*, *e-magazine*, dan *online database*.
- 2.4 Memelihara bahan arkib sukan negara melalui aktiviti pemuliharaan dan pendigitalan koleksi arkib sukan.
- 2.5 Menggalakkan orang awam mengunjungi *Sports Library*.

3.0 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- 3.1 Pinjaman koleksi buku sains sukan, teknologi sukan, dan perubatan sukan dan lain-lain.
- 3.2 Perkhidmatan rujukan untuk tujuan penyelidikan dan lain-lain.
- 3.3 Perkhidmatan fotokopi dan imbasan (dikenakan bayaran).
- 3.4 Kemudahan internet (WIFI percuma), ASTRO, dan WebOPAC.
- 3.5 Koleksi foto dan video sukan.
- 3.6 Penyediaan *e-jurnal* dan *online database* untuk tujuan penyelidikan dan sumber digital.
- 3.7 Kemudahan perpustakaan yang mesra pengguna.
- 3.8 Perkhidmatan membuat salinan video sukan (dikenakan bayaran sebanyak RM20 bagi setiap salinan).

10.0 ALAMAT SURAT-MENYURAT

Sports Library
National Coaching Academy
Institut Sukan Negara Malaysia
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil
57000, Kuala Lumpur

No. Tel : 03-89914527 (hanya panggilan sahaja pada waktu pejabat; 8.30 pagi hingga 1.00 petang, 2.00 petang hingga 5.00 petang).

Laman Web: <http://library2.isn.gov.my>

8.3 Pegawai dan anggota ISN/MSN yang ingin memohon atau mencadangkan pembelian buku perlu mengisi borang permohonan pembelian. Syarat-syarat untuk membuat pembelian adalah seperti berikut:

8.3.1 Pembeli telah membaca prosedur pembelian.

8.3.2 Pembeli perlu mengisi borang permohonan bahan.

8.3.2 Pembeli perlu menyatakan nama buku dan penulis buku.

8.3.3 Permohonan atau cadangan pembelian bahan bacaan adalah terhad kepada atlet, jurulatih, serta pegawai dan anggota ISN dan MSN sahaja.

9.0 WAKTU PERKHIDMATAN

HARI	WAKTU OPERASI	REHAT	WAKTU OPERASI
Isnin–Khamis	8.30 pagi –1.00 petang	1.00 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Jumaat	8.30 pagi – 12.15 tengah hari	12.15 tengah hari – 3.00 petang	3.00 petang – 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	TUTUP		

4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENJADI AHLI

4.1 Pemohon mestilah menepati beberapa syarat kelayakan untuk memohon menjadi ahli *Sports Library*.

Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

4.1.1 Pegawai dan anggota ISN/MSN/KBS (tetap dan kontrak).

4.1.2 Jurulatih kebangsaan (Elit, Pelapis & SSBJ).

4.1.3 Atlet kebangsaan (Elit & Pelapis).

4.2.4 pegawai dan anggota di MSN, Kuala Lumpur.

5.0 PERATURAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN BUKU

5.1 Tempoh pinjaman adalah selama 2 minggu (14 hari) bermula dari tarikh peminjaman.

5.2 Sekiranya peminjam memulangkan buku melebihi tempoh peminjaman (lebih daripada 2 minggu, peminjam perlu memaklumkan kepada pihak *Sports Library* melalui e-mel (sebelum tamat tempoh).

5.4 Sekiranya peminjam tidak memaklumkan tentang kelewatan pemulangan buku kepada pihak *Sports Library* terlebih dahulu, peraturan-peraturan denda akan dikenakan ke atas peminjam tersebut. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

5.4.1 Peminjam yang lambat memulangkan buku selama 7 hari akan dikenakan denda sebanyak RM5.00 bagi setiap buku yang dipinjam.

5.4.2 Peminjam yang lambat memulangkan buku selama 14 hari akan dikenakan denda sebanyak RM10.00 bagi setiap buku yang dipinjam.

5.4.3 Peminjam yang lambat memulangkan buku selama 1 bulan tanpa makluman kepada pihak *Sports Library* akan digantung keahlian selama 3 bulan bermula dari tarikh pemulangan buku.

5.4.4 Sekiranya buku yang dipinjam hilang atau rosak, peminjam dikehendaki membayar ganti rugi, iaitu dengan membayar harga yang sama sepenuhnya dan juga bayaran kos proses pembelian.

6.0 CARA-CARA MEMOHON UNTUK MENJADI AHLI

6.1 Mengisi borang di *Sports Library* atau memuat turun borang daripada laman web *National Coaching Academy*.

6.2 Borang yang lengkap dihantar kepada pihak *Sports Library* melalui pos atau e-mel ke alamat *Sports Library* atau hadir secara persendirian ke *Sports Library*.
Sukan.

6.3 Permohonan keahlian adalah percuma.

6.4 Membawa kad pengenalan diri semasa mendaftar menjadi ahli *Sports Library*.

7.0 POLISI PINJAMAN BAHAN BACAAN

7.1 Peminjam hendaklah berdaftar sebagai ahli *Sports Library*.

7.2 Keahlian terbuka kepada pegawai dan anggota ISN, MSN, jurulatih, dan atlet dengan mengisi borang keahlian beserta gambar.

7.3 Hanya 2buah buku sahaja dibenarkan untuk setiap pinjaman.

7.4 Setiap ahli bertanggungjawab ke atas segala bahan bacaan yang dipinjam atas namanya sendiri.

7.5 Peminjam perlu membawa kad keahlian apabila ingin meminjam koleksi yang terdapat di *Sports Library* dan kad tersebut tidak boleh dipindah milik.

7.6 Tempoh pinjaman adalah selama 2 minggu dari tarikh pinjaman.

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Pihak *Sports Library* akan memaklumkan segala peraturan dan syarat permohonan dari semasa ke semasa.

8.2 Semua syarat yang telah ditetapkan adalah termaktub dalam prosedur keahlian *Sports Library National Coaching Academy*.